

ZIARAH MENURUT AGAMA YAHUDI

oleh
Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali

Abstract

Ziyarah according to Jews Jurisprudence, is an act that involves elements of sacrificing and sacramental aspects. In other word, ziyarah creates responsibilities and obidience among the Jewish for religious purpose. Thus, the idea of ziyarah has changed. It is only a remembrance of the past. Therefore, this article attempts to describe ziyarah according to Jewish belief.

Pengenalan

Ziarah merupakan suatu bentuk perlakuan sosial dalam mengeratkan sesuatu hubungan kemasyarakatan. Istilah ini tidak terbatas dalam menyatakan bentuk hubungan seperti itu. Dari aspek agama, ziarah boleh dianggap sebagai suatu bentuk perlakuan dalam melahirkan perasaan yang lebih bersifat *spiritual* untuk mengeratkan hubungan dalaman dengan keadaan persekitaran tempat yang diziarahi yang seterusnya mendekatkan dirinya dengan Pencipta. Atau dengan lain perkataan, ziarah dapat membangkitkan imiginasi kolektif di tempat-tempat yang dianggap suci oleh sesuatu agama yang dipenuhi dengan simbol-simbol penting berkaitan dengan sesuatu agama. Bertitik tolak dari upacara ziarah seumpama ini dapat melahirkan dan meningkatkan keyakinan individu penganut terhadap agama anutan dan sekaligus mengukuhkan ketaatannya kepada Pencipta.

Ini bererti ziarah turut memiliki konsep *spiritual* yang terlalu unik dan mistik, khususnya ziarah menurut agama Yahudi.

Konsep Ziarah

Beberapa kenyataan dan peristiwa di dalam *Pentateuch* yang bermaksud lima buku pertama yang suci dalam *Bible* Perjanjian Lama atau lebih dikenali sebagai Taurat dijadikan asas dan dalil dalam membentuk konsep ziarah agama Yahudi.

Bertitik tolak dari ini, ziarah menurut agama Yahudi adalah suatu tanggungjawab yang diwajibkan ke atas Israel.¹ Ziarah turut membawa pengertian

¹Nicholas de Lange, "Ziyara In Jews", *El-Correo de la Unesco*, France: Yuleyo 1995, h.28.

sebagai suatu bentuk pengabdian individu atau peribadi dan penglibatan diri dalam upacara masyarakat² ke tempat-tempat suci agama Yahudi.

Di samping itu, ziarah turut memberi maksud kepatuhan terhadap perintah agama untuk melihat wajah Tuhan.³ Pengertian-pengertian ziarah tersebut diasaskan kepada kenyataan Taurat yang menyebut:

Three times a year all the men are to appear before the sovereign LORD. (Exodus 23: 17)

Dalil tersebut juga turut diteguhkan sekali lagi oleh Exodus 34:23 yang menyebut:

Three times a year all your men are to appear before the sovereign LORD, the God of Israel.

Di samping itu, Deuteronomy 16:17 turut menyebut tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh bangsa Israel-Yahudi dan sekaligus mengemukakan praktikal ziarah yang perlu dilaksanakan iaitu:

Three times a year all your men must appear before the Lord your God at the place he will choose: at the Feast of Unleavened Bread, the Feast of Weeks and the Feast of Tabernacles. No man should appear before the LORD empty-handed: Each of you must bring a gift in proportion to the way the LORD your God has blessed you.

Exodus 23:14-16 turut mengemukakan waktu dan pelaksanaan ziarah yang lengkap dengan menyebut:

Three times a year you are to celebrate a festival to me. Celebrate the Feast of Unleavened Bread; for seven days eat bread made without yeast, as I commanded you. Do this at the appointed time in the month of Abib, for in that month you came out of Egypt. No one is to appear before me empty handed.

Celebrate the Feast of Harvest with the first fruits of the crops you sow in your field.

Celebrate the Feast of ingathering at the end of the year, when you gather in your crops from the field.⁴

²*Ibid*, h. 29.

³*Ibid*.

⁴Sila lihat juga dalam *The Holy Bible Old Testament: Exodus 34: 18-23*.

Kenyataan-kenyataan di dalam *Pentateuch* tersebut agak jelas memperlihatkan konsep ziarah yang merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu Yahudi sebanyak tiga kali setahun mengikut pusingan pertanian yang utama iaitu musim menuai pada lewat musim bunga atau *Passover*,⁵ pertengahan musim panas atau *Pentecost* dan awal musim luruh atau *Tabernacles*.

Di samping tiga waktu tersebut, terdapat satu lagi upacara ziarah yang perlu dilaksanakan dalam agama Yahudi iaitu pada waktu akhir dalam takwim Yahudi yang dianggap waktu paling suci. Upacara ziarah ini boleh dianggap sebagai kemuncak kepada tiga upacara ziarah terdahulu kerana upacara ziarah ini lebih tertumpu kepada suatu perhimpunan menebus dosa atau disebut *Kippur* atau *Day of Atonement*. Perhimpunan ini juga lebih dikenali sebagai *The Festival*.⁶

The Festival dilakukan dalam usaha menyucikan diri dari segala dosa untuk mencapai keredaan Tuhan setelah memenuhi praktikal-praktikal ibadah tertentu di dalam upacara-upacara ziarah yang terdahulu dalam waktu-waktu yang telah disebut. Umpamanya dalam waktu *Passover*, upacara ziarah dilakukan dengan melaksanakan pengorbanan hasil pendapatan dalam bentuk sembelihan korban, diikuti dengan upacara sembahyang kesyukuran yang diiringi dengan puji-pujian atau zikir kepada Tuhan dan pemberian derma untuk kemajuan agama dan bangsa Yahudi.⁷ Begitu juga dalam upacara ziarah yang dilakukan dalam waktu musim panas atau *Pentecost* dan musim luruh atau *Tabernacle*, turut dipenuhi dengan praktikal ibadah⁸ yang khusus untuk menjamin ziarah yang dilakukan bukan hanya semata-mata menziarahi sesuatu tempat yang suci tetapi yang lebih penting ialah pelaksanaan ibadah sewaktu ziarah untuk mendekatkan diri kepada Tuhan.

⁵*Passover* merupakan perayaan penting kepada orang Yahudi bagi meraikan hari kejayaan mereka keluar dari bumi Mesir. Istilah tersebut berasal dari suatu peristiwa yang berlaku pada malam sebelum orang-orang Yahudi keluar dari Mesir, malaikat telah datang membunuh rakyat Mesir yang baru lahir dan melintasi rumah orang-orang Yahudi tanpa mencerohnya kerana telah ditanda dengan darah anak kambing. Sila lihat Walter Farguhar Hook, *Church Dictionary*, cet. 6, London: John Murray, di bawah perkataan *passover*.

⁶Nicholas de Lange, *Ziyarah In Jews*, h. 28.

⁷Ziarah dalam waktu *passover* ini disambut bermula 14 April sehingga 21 April setiap tahun bersempena memperingati hari bangsa Yahudi keluar dari Mesir. Pada waktu itu juga orang Yahudi menyediakan roti tanpa ragi untuk hidangan jamuan. Sila lihat *Exodus* 23: 14-15, 34:18 dan *Deutronomy* 16: 1-86.

⁸Sila lihat *Exodus* 23: 16-17, 34: 19-23 dan *Deutronomy* 16: 8-20. Waktu-waktu tersebut juga merupakan titik tolak kepada hubungan manusia dengan Tuhan disucikan. Kajian ini akan menjelaskannya lebih lanjut dalam kajian yang berbeza di bawah tajuk Peribadatan Orang-orang Yahudi : Suatu Penelitian Semula.

Oleh itu, *The Festival* dianggap sebagai kemuncak kepada manifestasi upacara ziarah-ziarah yang terdahulu dalam waktu *Passover*, *Pentecost* dan *Tabernacles* yang utama dalam agama Yahudi. Ini bererti, ziarah dalam agama Yahudi merupakan suatu bentuk pengabdian yang suci kepada Tuhan dalam usaha meneruskan hubungan erat di antara makhluk dan Pencipta yang dipenuhi dengan keinsafan dan keikhlasan.

Tumpuan Ziarah

Kenyataan di dalam *Pentateuch* telah sekali lagi dijadikan asas kepada penentuan tempat-tempat suci yang perlu diziarahi dalam agama Yahudi. Jerusalem⁹ telah dianggap sebagai bandar suci agama Yahudi. Agama Yahudi mensifatkan Jerusalem dan beberapa buah tempat di persekitaran Jerusalem seperti *Temple Mount* atau *Wailing Wall* (Tembok Menangis), makam-makam nabi Yahudi yang wujud di sebelah utara, bahagian timur Galilee, Timur Tengah Jerusalem dan beberapa tempat suci lain di Jerusalem sebagai tumpuan ziarah mereka.

Menurut *Pentateuch* kitab suci agama Yahudi dipercayai bahawa pada akhir zaman nanti, *Messiah*¹⁰ yang terdiri dari para nabi akan muncul di Gunung Zion, salah sebuah dari tujuh buah gunung di Jerusalem yang suatu waktu dahulu pernah menjadi kerajaan Daud.¹¹ *Messiah* ini dipercayai sebagai pemimpin dan nabi yang berjaya meletakkan semua manusia sejagat bersatu di bawah satu akidah yang suci dan benar¹² yang seterusnya memberi jaminan kesejahteraan, kebahagiaan dan mendapat keredaan Tuhan yang Esa. Setiap umat manusia yang menerima kedatangan *Messiah* ini dengan ikhlas dan mengikut segala dakwahnya akan mendapat pahala balasan di kemudian hari kelak.¹³

Oleh itu, untuk memastikan bahawa setiap individu menerima rahmat tersebut, orang-orang Yahudi khususnya di seluruh dunia bercita-cita agar jenazah

⁹Jerusalem merupakan bandar suci kepada tiga buah agama iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Kepercayaan ini turut didokong oleh kenyataan-kenyataan dalam kitab-kitab suci ketiga-tiga agama ini. Bagaimanapun, kajian ini lebih tertumpu kepada agama Yahudi. Suatu kajian lain akan dilakukan untuk melihat kedudukan Jerusalem menurut Kristian dan Islam.

¹⁰Untuk mengetahui pengertian *messiah* ini, sila rujuk Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Trinitis Menurut Agama Kristian". *Jurnal Usuluddin*, Bil. 2. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, Mei 1995, h. 46.

¹¹Sila lihat *The Holy Bible Old Testament : Deuteronomy 33: 1-3* dan Ahmed Deedat, *What The Bible Says About Muhammad (Peace be upon him)*, cet. 1. Kuala Lumpur: Umma Resources Sdn. Bhd., 1992, h. 6-18.

¹²Sila lihat *Deuteronomy 33: 1-3* dan *Bible Barnaba*, h. 192, 223 dan 264.

¹³*Ibid.*

mereka disemadikan di kaki gunung Zion seandainya mereka tidak berkesempatan menemui *messiah* tersebut¹⁴ dengan harapan nikmat kebahagiaan dan jaminan balasan yang baik di akhirat dapat dirasai juga.

Justeru, untuk terus meletakkan situasi gunung Zion dan juga Jerusalem sebagai suatu tempat yang istimewa, orang-orang Yahudi percaya bahawa sebuah negara untuk orang-orang Yahudi perlu dibangunkan menjadi sebuah negara suci yang terdiri dari para pendita, orang-orang alim Yahudi dan masyarakat Yahudi sahaja. Negara ini juga adalah negara yang bebas dan tersendiri serta tidak bergabung dengan mana-mana negara lain.¹⁵ Bertitiktolak dari kenyataan *Pentateuch* dan cita-cita setiap individu Yahudi, negara Israel telah dibangunkan yang tujuan utama penubuhannya adalah sebagai sebuah negara kerohanian dan duniawi dengan meletakkan Jerusalem sebagai ibu negara yang abadi dan mukaddas.¹⁶

Kewujudan ini juga dilihat dari hakikat sejarah yang telah meletakkan Jerusalem sebagai sebuah bandar utama kepada orang-orang Yahudi. Baitulmaqdis di Jerusalem merupakan kiblat orang-orang Yahudi yang seterusnya membina rumah ibadat pertama mereka di situ dikenali sebagai *Tabernacle*.¹⁷

Tabernacle dipilih sebagai nama kepada khemah ibadat orang-orang Yahudi bersempena perintah Tuhan kepada Yahudi agar membina sebuah khemah ibadat untuk menempatkan “Peti Perjanjian” iaitu sebuah peti kayu untuk menyimpan tulisan yang mengandungi syariat dan undang-undang Yahudi atau lebih dikenali sebagai *Pentateuch*¹⁸ ini berlaku pada musim luruh yang turut menjadi salah satu waktu utama ziarah dilakukan dalam agama Yahudi.

Pada awalnya, *Tabernacle* ini dibina sebagai tempat tinggal Tuhan dengan mengambilkira kenyataan-Nya dalam *Exodus* 25: 8-9 menyebut:

¹⁴Annie Laurent, *Jusalem: The Holy Place To Jews, Christianity And Islam*, France: 1995, h. 14.

¹⁵*Ibid.*

¹⁶Howard Morley Sachar, *The Course of Modern Jewish History*, New York: Delta Book, 1963, h. 460-461 dan lihat juga Elie Kedourie dan Sylvia G. Haim (ed), *Palestine And Israel In The 19th And 20th Centuries*, USA: Frank Cass, 1982, h. 4.

¹⁷*Tabernacle* merupakan khemah ibadat pertama kepada orang-orang Yahudi. Khemah ibadat ini dibina dalam bentuk khemah bergerak memandangkan pada waktu tersebut, orang-orang Yahudi masih dalam keadaan berpindah randah di sekitar gurun di Jerusalem. Pembinaan persekitaran dalaman *Tabernacle* ini dipercayai mengikuti kehendak Tuhan. Sila lihat: Laurence Sigal, *The Past And Present Town*, France: Sourborne, 1991, h. 24 dan lihat juga *Exodus* 29: 44-46 dan *Leviticus* 8: 1-9.

¹⁸Laurence Sigal, *The Past And Present Town*, h. 25.

The Lord said to Moses, "Tell the Israelites to bring me an offering. You are to receive the offering for me from each man whose heart prompts him to give ... Then have them make a sanctuary for me, and I will dwell among them. Make this tabernacle and all its furnishings exactly like the pattern I will show you."¹⁹

Melalui kenyataan tersebut secara tidak langsung, *Tabernacle* telah menjadi rumah ibadat pertama kepada orang-orang Yahudi. Rumah ibadat Nabi Sulaiman kemudiannya didirikan di Baitulmaqdis selepas Bani Israel mulai tinggal tetap di satu-satu kawasan tertentu sekitar Jerusalem. Rumah ibadat di Baitulmaqdis ini kemudiannya menjadi pusat keagamaan bangsa Yahudi dan juga merupakan kiblat utama kepada bangsa Yahudi melakukan ibadah.²⁰

Ini bererti kedudukan atau kesucian Jerusalem khususnya Baitulmaqdis bukanlah bermaksud tempat itu yang suci atas sifatnya sebagai sebuah tempat tetapi menurut kepercayaan Yahudi, kesucian Baitulmaqdis dan Jerusalem adalah atas sifatnya sebagai tempat tinggal Tuhan yang dipercayai Tuhan turut hadir bersama. Ini bukanlah bererti bahawa bangsa Yahudi percaya bahawa Tuhan itu memerlukan kepada suatu tempat khas untuk-Nya. Bahkan agama Yahudi turut mempercayai bahawa Tuhan berkuasa hadir dan berada di mana-mana sahaja tanpa mengira persekitaran fizikal atau tempat.²¹ Tetapi atas dasar Tuhan telah menginstitusikan konsep tempat suci untuk-Nya dan untuk orang-orang Yahudi beribadah melalui perintah-Nya kepada orang-orang Yahudi agar membina khemah ibadat iaitu *Tabernacle*²² telah meletakkan Baitulmaqdis dan Jerusalem sebagai suatu tempat yang abadi dan suci kepada orang-orang Yahudi. Fenomena tersebut sekaligus telah meletakkan Jerusalem dan Baitulmaqdis sebagai salah satu tumpuan utama ziarah orang-orang Yahudi dalam usaha mendapat keredaan Tuhan.

Selain daripada itu, terdapat beberapa tempat di Jerusalem menjadi tumpuan utama ziarah agama Yahudi antaranya *Temple Mount* (Tembok Menangis). Ia merupakan sebuah bangunan besar yang melindungi *Holy of Holies*

¹⁹Lihat juga dalam *Exodus* 29: 44-46, *Leviticus* 8: 1-9.

²⁰Praktikal ibadah yang dijalankan di khemah Ibadat iaitu *Tabernacles* juga telah meletakkan Baitulmaqdis sebagai kiblat mereka berasaskan kenyataan dalam *Daniel* 9: 2-3:

In the first year of his reign, I, Daniel, understood from the scriptures, according to the word of the LORD given to Jeremiah the Prophet, that the desolation of Jerusalem would last seventy years. So I turned to the LORD GOD and pleaded him in prayer and petition....

²¹Laurence Sigal, *The Past and Present Town*., h. 24.

²²Sila lihat *Exodus* 25: 8-9, 29: 44-46, *Leviticus* 8: 1-9.

(Baitulmaqdis) dan telah dibina oleh Yang Agung (Kaisar) Herod I dalam tahun 37 S.M. di atas tapak runtunan *First Temple* yang dibina oleh Nabi Sulaiman.²³

Temple Mount ini dianggap penting kerana ia dipercayai sebagai tempat curahan segala masalah orang-orang Yahudi yang dipercayai segala masalah tersebut akan selesai dengan cara memasukkan nota-nota kecil yang berisi masalah dan harapan ke dalam rekahan batu-batu tembok tersebut.²⁴ Orang-orang Yahudi menangis memohon agar Tuhan menyelesaikan segala masalah kritikal yang dihadapi dan diganti dengan ketenangan dan kebahagiaan. Kemungkinan atas praktikal yang sedemikian telah menjadikan *Temple Mount* ini turut dikenali dengan nama "Tembok Menangis".

Di samping itu, orang-orang Yahudi turut melakukan ziarah ke makam-makam para nabi Bani Israel yang terletak di sebelah utara, bahagian Timur Galilee Israel, di bandar suci Tiberias dan Safed, Jerusalem. Di antara makam-makam utama yang sering diziarahi adalah makam Nabi Ibrahim dan keluarga baginda²⁵ dan termasuk pasangan manusia pertama iaitu Nabi Adam dan Hawa di Hebron, makam Nabi Ezekiel di El Kife, makam jurutulis Nabi Ezekiel, Ezra di Kurns, makam Nabi Esther, Mordecai dan Nabi Zakaria di Hamadan, makam Nabi Elijah di Nasrabad, makam Nabi Daniel di Shustar, makam Nabi Isaiiah di Isfahan, Nabi Zippora di Qum dan makam Nabi Ibrahim Ibn Ezra di Meshd.²⁶

Di samping itu, terdapat beberapa makam nabi dan tempat ziarah orang-orang Yahudi di luar dari kawasan Jerusalem dan Israil seperti di Mesir, Syria, Maghribi dan beberapa buah negara Islam lain. Bagaimanapun, tumpuan ziarah yang utama menurut agama Yahudi adalah di Jerusalem. Tambahan lagi, orang-orang Yahudi agak berkurangan di negara-negara Islam yang lain tidak seperti di Israel. Keadaan seumpama ini juga secara tidak langsung turut menyumbang ke arah pentingnya kedudukan Jerusalem kepada orang-orang Yahudi dan agama Yahudi. Justeru, tidak hairan seandainya negara Israel dan Jerusalem dianggap sebagai negara kerohanian dan duniawi kepada bangsa Yahudi.

²³Laurence Sigal, *The Past And Present Town*., h. 25.

²⁴Praktikal tersebut dikenali sebagai *bar mitzvah*. Sila lihat: Nicholas de Lange, *Ziyara In Jews*, h. 29.

²⁵Dipercayai terdapat empat pasangan yang dikebumikan di Hebron iaitu Nabi Ibrahim dan Sarah, Nabi Ishaq dan Rabika, Nabi Yaakob dan Leah dan Nabi Adam dan Hawa. Tempat ini juga merupakan tumpuan umat Islam. Sila lihat: Nicholas de Lange, *Ziyara In Jews*., h. 30.

²⁶*Ibid.*

Hakikat Ziarah Yahudi

Ziarah yang merupakan suatu tanggungjawab yang diwajibkan ke atas Israel - Yahudi kini bukan lagi suatu kemestian yang perlu dilaksanakan. Ini kerana keadaan yang berlaku tidak memungkinkan upacara-upacara ziarah sentiasa dipraktikkan. Apatah lagi berkurangnya penduduk Yahudi di negara-negara Islam seperti Syria, Mesir, Maghribi dan lain-lain turut mengurangkan peluang untuk berziarah. Di Eropah umpamanya, orang-orang Yahudi Eropah (berketurunan Eropah) dan para teologi moden Yahudi Eropah tidak begitu tertarik dengan agama Yahudi kerana dianggap tidak berkembang seperti agama Kristian dan Islam. Mereka juga berpendapat bahawa Tuhan tidak boleh difahami sebagai hadir di satu-satu tempat seperti di Jerusalem dan sekaligus menolak unsur-unsur memuliakan tempat-tempat orang-orang alim atau keramat seperti makam-makam nabi.²⁷ Justeru, bagi mereka, upacara ziarah tidak wujud sama sekali. Bagaimanapun mereka masih tetap menyakini kepentingan kedudukan Jerusalem dan Israel sebagai negara kerohanian dan duniawi untuk orang-orang Yahudi secara keseluruhan. Manakala bagi orang-orang Yahudi di Jerusalem pula masih menganggap perbuatan ziarah sebagai suatu yang terpuji walaupun kedudukannya sebagai suatu perintah suci secara praktis dianggap tidak lagi wajib memandangkan fenomena dan fizikal negara Israel kini.²⁸

Bertitik tolak dari ini, kepentingan ziarah ke Jerusalem turut berubah. Walaupun tempat-tempat suci itu masih lagi wujud, ziarah ke tempat tersebut yang lazimnya dipenuhi pengorbanan, doa-doa dan seumpamanya kepada Tuhan untuk mencapai keredaan-Nya telah bertukar dan cenderung ke arah melaksanakan perkabungan. Ziarah kemudiannya lebih menjadi sebagai suatu praktikal kepada mengingati "nostalgia suci" dengan menginsafi segala kesepian yang berlaku di tempat-tempat suci seolah-olah Tuhan telah meninggalkannya akibat dosa-dosa orang Yahudi.²⁹

Bagaimanapun, orang-orang Yahudi ini masih meletakkan harapan yang tinggi untuk mempraktikkan segala ibadah ziarah secara besar-besaran dengan dihadiri oleh setiap individu Yahudi dari seluruh pelusuk dunia bagi meraikan kemunculan *messiah* mereka. Justeru, orang-orang Yahudi di seluruh dunia masih mempunyai sentimen yang tekal terhadap tanah Israel dan bandar Jerusalem

²⁷ *Ibid.*, h. 30.

²⁸ *Ibid.*, h. 28

²⁹ *Ibid.*, h. 29.

sebagai hak mutlak mereka.³⁰ Ini merupakan salah satu kemungkinan Israel perlu dipertahankan dan dikuasai sepenuhnya oleh orang-orang Yahudi secara total.

Ulasan

Walaupun kedudukan ziarah dalam agama Yahudi kini yang lebih berupa “nostalgia suci” dan tidak lagi menjadi praktikal ibadah yang wajib dilaksanakan, ia masih lagi memiliki kekuatan tersendiri untuk terus meletakkan Jerusalem sebagai bandaraya abadi dan suci.

Kekuatan tersebut turut didokong dengan wujudnya sentimen yang tekal di kalangan orang-orang Yahudi terhadap bumi Israel. Begitu juga di kalangan orang-orang Yahudi Eropah, walaupun mereka tidak mempraktikkan ziarah tetapi mereka tetap cenderung menyokong kewujudan negara suci Israel. Ini memperlihatkan ziarah bukanlah suatu elemen utama meletakkan suci atau tidaknya sesebuah negara tetapi apa yang lebih utama ialah kedudukan dan kelebihan unik yang dimiliki oleh Jerusalem sebagai bandar tumpuan kepada umat Yahudi, Kristian dan Islam. Apatah lagi keutamaan telah diberikan oleh Tuhan melalui dalil-dalil-Nya di dalam ketiga-tiga kitab suci agama tersebut. Secara tidak langsung kekuatan untuk memiliki Jerusalem secara mutlak sebagai hak peribadi rakyat Yahudi adalah berasaskan kelebihan, keunikan dan kemuliaan Jerusalem sepertimana yang disebut oleh Tuhan, bukan atas sifat praktikal ziarah yang lebih berupa kepada penyokong ke arah pengkalan hak mutlak tersebut.

Penutup

Agak jelas bahawa praktikal ziarah bukanlah salah satu dimensi utama ke arah mencapai keredaan Tuhan dalam agama Yahudi, tetapi apa yang lebih utama bagi mereka ialah mengekalkan kedudukan negara Israel sebagai negara kerohanian dan duniawi dengan meletakkan Jerusalem sebagai ibu negara yang abadi untuk terus memastikan kemuliaan milik mutlak Yahudi. Ini bererti orang-orang Yahudi masih tetap beranggapan mereka adalah bangsa termulia dan sewajarnya dunia milik mereka.

Oleh itu, tidak hairanlah, orang-orang Yahudi begitu tegas mempertahankan kedudukan Israel sebagai negara yang suci sejajar dengan kepercayaan agama Yahudi. Manakala praktikal ziarah kini lebih dianggap sebagai suatu pesta yang pernah dilaksanakan pada musim *Passover*, *Pentecost* dan *Tabernacles* sahaja, tidak lebih dari itu. Apatah lagi apabila *taakulan* dilakukan didapati literatur-literatur tentang agama Yahudi sama ada dalam bentuk buku, kajian

³⁰Horward Morley Sachar, *The Course of Modern Jewish History*, h. 469.

deskriptif antaranya seperti Friedrich Foerster, *The Jews*, 1869, Howard Morley Sachar, *The Course of Modern Jewish History*, 1963 dan Alan Unterman, *The Jews : Their Religious Beliefs And Practices*, 1990, ataupun amalan agama tidak lagi menyebut dan membincangkan mengenai ziarah sebagai suatu doktrin utama agama Yahudi, sebaliknya hanya merujuk sepintas lalu sebagai suatu pesta keramaian yang pernah dilakukan sewaktu dahulu. Ini kerana ziarah bukanlah unsur utama ke arah meletakkan Jerusalem sebagai bandaraya suci dan abadi tetapi kelebihanannya sebagai tumpuan tiga agama terbesar dunia mendorong ia dianggap bandar utama dan suci.

Kini, telah tiba masanya bagi rejim Israel untuk mengamalkan dasar buka pintu kepada umat Islam dan Kristian menziarahi Jerusalem dan Baitulmaqdis. Ini kerana tempat-tempat suci yang menjadi simbol kepelbagaian agama tidak boleh diletakkan sebagai punca perbalahan di antara agama. Sewajarnya setiap negara memberi peluang kepada semua agama untuk membina perdamaian melalui pertemuan dan perpaduan bersama di bawah simbol-simbol agama yang mempunyai pelbagai makna sejajar dengan kepercayaan agama masing-masing di suatu tempat suci yang sama.